

21 OCT, 2022

Techlympics: Jejak digital techlympics 26 juta



Harakah, Malaysia



Pelajar gembira dapat bergambar bersama Datuk Ahmad Amzad.



Melihat rekaan dan inovasi hasil ketrampilan peserta.

Techlympics: Jejak digital techlympics 26 juta

KUALA TERENGGANU: Pelaksanaan Malaysia Techlympics mencapai jejak digital techlympics sebanyak 26 juta secara dalam talian sekali gus menjadikannya sebagai satu acara tahunan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, sejak dilancarkan Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, seramai lebih 1.029 juta rakyat Malaysia berusia tujuh hingga 30 tahun mendaftar untuk menyertai pelbagai jenis pertandingan dan sesi perkongsian aktiviti sains, teknologi dan inovasi (STI).

Katanya, semasa pembentangan bajet 2023 pada 7 Oktober lalu kera-

jaan bersetuju memberi peruntukkan kepada MOSTI untuk meneruskan program ini tahun hadapan.

"Saya berharap agar pelaksanaan Malaysia Techlympics ini dapat menyokong transformasi Malaysia sebagai negara berinovasi berasaskan teknologi tinggi dan akan menyemarakkan ekonomi berasaskan inovasi agar kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju lain," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan Malaysia Techlympics Zon Timur di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sini pada Isnin.

Terdahulu Ahmad Amzad menjelaskan bahawa Malaysia Techlympics 2022 merupakan salah satu inisiatif MOSTI yang dilaksanakan oleh Malaysia Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) dan disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Ini adalah salah satu usaha MOSTI untuk merancang aktiviti sains, teknologi dan inovasi (STI) negara melalui Pengalaman pembelajaran (experiential learning) sebagai pelengkap untuk pembelajaran tidak formal dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM," ujarnya.



Pemenang pertandingan Zon Timur.



Bersama para peserta yang menerima sijil penyertaan.

Katanya, program yang dinamakan Jangkauan Keterangkuman Malaysia Techlympics itu dijalankan di 66 lokasi di seluruh Malaysia menerusi pelbagai aktiviti sains. "Para pelajar dan guru didedahkan kepada teknologi dan aplikasi terkini melalui robot, dron serta aktiviti interaktif secara amali atau praktikal (hands-on)," katanya.

Di samping itu jelas beliau, program tersebut turut memberi manfaat sampingan kepada 5,800 guru, dilatih melalui kursus Latihan

Tenaga Pengajar atau Training of Trainer dalam usaha meningkatkan kemahiran para guru dalam bidang STEM.

Justeru katanya, minat terhadap bidang STEM perlu diterapkan dari peringkat awal agar dapat membentuk asas kukuh dalam diri para pelajar dan belia terhadap bidang tersebut.

"Ia harus diikuti dengan proses pembelajaran berterusan yang mana bakat dan kreativiti mereka dalam bidang inovasi akan dapat dicungkil daripada usia muda," katanya lagi.



Bergambar bersama kesemua peserta.



21 OCT, 2022

Techlympics: Jejak digital techlympics 26 juta

Harakah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Mennat rekaan dan inovasi hasil ketrampilan peserta.

KUALA TERENGGANU: Pelaksanaan Malaysia Techlympics mencapai jejak digital techlympics sebanyak 26 juta secara dalam talian sekali gus menjadikannya sebagai satu acara tahunan. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, sejak dilancarkan Perdana Menteri Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob, seramai lebih 1.